

## **PROSEDUR AUDIT PEMERIKSAAN SEMULA (REVIEW AUDIT)**

- *Ketua Seksyen Pemeriksaan dan Pensijilan/ Ketua Unit Pensijilan Dalam Negara melantik dua (2) orang AVD (Auditor Veterinar Dilantik) sekali setahun untuk memperbaharui sijil myOrganic atau apabila terdapat perpindahan premis, penggunaan teknologi baru serta perubahan pihak pengurusan.*
- *Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan AVD dan pemohon.*
- *Audit pemeriksaan semula dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, GAHP, GAP dan audit lapangan.*
- *Sekiranya terdapat ketidakakuran (NCR), tindakan pembetulan (CAR) perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.*
- *Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh CAR akan menyebabkan sijil ditarik balik.*
- *AVD menyediakan laporan dan menyerahkan laporan kepada urus setia pensijilan veterinar.*
- *Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan pembaharuan sijil.*